b. Carta Aliran Peletakhakan Aset Dan Liabiliti Pertubuhan Yang Dibatalkan Pendaftaran Kepada Pertubuhan Baru





- c. Senarai Borang Peletakhakan Aset Dan Liabiliti Pertubuhan Yang Dibatalkan Pendaftaran Kepada Pertubuhan Baru

BIL.	NAMA BORANG	CATATAN
1.	Borang 1	Peraturan 3 Peraturan- Peraturan Pertubuhan (Permohonan Bagi Perintah Perletahakan 1993)
2.	Borang 2	Peraturan 4 Peraturan- Peraturan Pertubuhan (Permohonan Bagi Perintah Perletahakan 1993)
3.	Borang 3	Peraturan 5 Peraturan- Peraturan Pertubuhan (Permohonan Bagi Perintah Perletahakan 1993)


4.2.5.4 Aset Lebihan Pertubuhan Yang Dibatalkan Pendaftarannya

a. Proses Kerja Aset Lebihan Pertubuhan Yang Dibatalkan Pendaftarannya

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Penolong Pegawai Penerima Unit Likuidasi (PPP UL)	- Semak jika terdapat lebihan aset selepas pembayaran segala hutang dan juga perbelanjaan Pegawai Penerima (PP). - Jika terdapat lebihan aset : (i) Kredit ke Kumpulan Wang Disatukan (<i>Consolidated Fund</i>) jika pembatalan pendaftaran pertubuhan di bawah S. 7 (3)(a) atau S. 13 (1)(c)(ii) Akta 335 atau diarahkan oleh Menteri; (ii) Ambil tindakan pembayaran lebihan aset (wang) kepada ahli-ahli sekiranya termaktub dalam Perlembagaan Pertubuhan; (iii) Sekiranya tidak termaktub dalam Perlembagaan Pertubuhan, sediakan skim untuk pengagihan wang lebihan kepada setiap ahli; dan (iv) Sediakan Notis Permohonan bagi tujuan di atas.	S 17(1)(b) Akta 335
PPP UM	Menyediakan draf Notis Permohonan dan kemukakan kepada PKPP/KC dalam tempoh empat belas (14) hari.	
PKPP/KC	- Semak dan luluskan draf Notis Permohonan. - Kemukakan kepada PPP UM untuk pemfailan permohonan Notis Permohonan ke Mahkamah.	
Penolong Pegawai Penerima Unit Mahkamah	Hadir ke Mahkamah untuk sebutan dan mendapatkan perintah sewajarnya.	

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
(PPP UM)	• Jika dibenarkan, arahkan PPP UL ambil tindakan berdasarkan perintah mahkamah. • Jika permohonan ditolak rujuk kepada PKPP/KC untuk arahan sama ada rayuan perlu difailkan atau arahan-arahan lain yang berkaitan. • PKPP/KC boleh mendapatkan arahan daripada Bahagian Mahkamah sama ada rayuan perlu difailkan atau arahan-arahan lain yang berkaitan.	

b. Carta Aliran Aset Lebihan Pertubuhan Yang Dibatalkan Pendaftarannya



c. Senarai Borang Aset Lebihan Pertubuhan Yang Dibatalkan Pendaftarannya

BIL.	NAMA BORANG	CATATAN
1.	-	-

4.2.5.5 Proses Pentadbiran Kes Pertubuhan Yang Melibatkan Pengurusan Rumah Ibadat

a. Proses Kerja Pentadbiran Kes Pertubuhan Yang Melibatkan Pengurusan Rumah Ibadat

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Penolong Pegawai Penerima Unit Likuidasi (PPP UL)	- Mendapatkan maklumat berkenaan dengan tatacara/adab memasuki rumah ibadat bagi menjaga sensitiviti. - Melakukan lawat periksa rumah ibadat untuk mengenal pasti sama ada aset dimiliki oleh persatuan yang dibatalkan atau rumah ibadat dengan membuat inventori. Antara jenis harta adalah seperti yang berikut: (i) Harta tak alih seperti tanah, bangunan atau rumah; (ii) Barangan kemas; (iii) Patung-patung berhala; (iv) Wang tunai; (v) Peralatan sembahyang / upacara keagamaan; (vi) Kelengkapan pejabat seperti perabot, kerusi dan meja; (vii) Wang dalam tabung derma rumah ibadat; (viii) Peralatan elektrik; (ix) Kelengkapan memasak; (x) Kenderaan; dan	- S 5 Akta Pertubuhan 1966 [<i>Akta</i> 335] - S 7 Akta 335 - S 13 Akta 335 - S 17 Akta 335 - Arahan Pegawai Penerima (PP) Bil. 10/2016 - Adendum ke atas Arahan PP Bil. 10/2016


JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	(xi) Akaun simpanan/semasa dan peti simpanan (<i>safe deposit box</i>) dengan mana-mana bank. • Menampal notis pemberitahuan berkenaan dengan Perintah Pembatalan Pertubuhan. • Mengambil kunci peti besi, kunci pejabat, kunci stor menyimpan barang (jika ada) atau apa-apa kunci lain yang berkaitan dengan persatuan. • Mendepositkan tunai atau wang derma rumah ibadat ke dalam estet pertubuhan.* • Membuat carian hartanah di Pejabat Tanah/Pejabat Tanah dan Galian Negeri dan Majlis Perbandaran/Pihak Berkuasa Tempatan sama ada rumah ibadat didirikan di atas tanah milik persatuan atau milik pihak ketiga atau di atas tanah wakaf. Namun begitu, tiada tindakan penghasilan akan diambil selaras dengan pendekatan harmoni Jabatan demi menjaga sensitiviti kaum dan kepercayaan agama. • Mendapatkan pengesahan daripada Pegawai Pemegang Jawatan (PPJ) sama ada terdapat permohonan rayuan dibuat. (i) Jika ada, dapatkan salinan surat rayuan dan SDP sehingga keputusan rayuan dikeluarkan; dan (ii) Jika tiada, nasihatkan PPJ untuk menubuhkan satu pertubuhan baru yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dengan memenuhi kriteria di bawah peruntukan undang-undang. (Rujuk aktiviti Peletakhakan Aset dan Liabiliti	


JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	Pertubuhan Yang Dibatalkan Pendaftarannya Kepada Pertubuhan Baru) • Sementara menunggu keputusan rayuan atau perintah peletakhakan, jika terdapat permohonan daripada mana-mana pihak* supaya mana-mana individu atau pertubuhan dilantik sebagai pengurus sementara rumah ibadat, PPP UL hendaklah mengambil tindakan seperti yang berikut: (a) Mengadakan mesyuarat dengan PPJ, semua bekas ahli pertubuhan dan pihak yang memohon untuk melantik pihak yang layak untuk menjadi pengurus sementara. (b) Jika mesyuarat mencapai persetujuan, menyediakan draf surat pelantikan dan mengemukakan kepada Penolong Kanan Pegawai Penerima (PKPP) / Ketua Cawangan (KC) untuk semakan dan kelulusan. Surat pelantikan hendaklah mengandungi syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pengurus sementara seperti yang berikut: (i) Mentadbir urus rumah ibadat dengan baik; (ii) Mengendalikan urusan penerimaan dan pembayaran rumah ibadat; (iii) Menguruskan upacara keagamaan harian rumah ibadat; (iv) Mengemukakan penyata kewangan kepada Pegawai Penerima (PP) setiap bulan;	

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	(v) Menyerahkan kutipan derma, sumbangan atau aset alih yang diterima kepada PP; dan (vi) Menjaga keselamatan aset pertubuhan di rumah ibadat; (c) Mengeluarkan surat pelantikan setelah ditandatangani oleh PKPP/KC. (d) Memantau pihak yang dilantik tersebut sehingga perintah peletakan hak dibuat atau rayuan diputuskan. (e) Sekiranya persetujuan tidak dapat dicapai, nasihatkan pemohon untuk membuat permohonan ke mahkamah untuk suatu perintah pelantikan sebagai pengurus sementara. • Sehingga Mahkamah membuat sebarang perintah pelantikan pengurus sementara, cawangan yang mentadbir hendaklah mengambil kawalan pentadbiran dan jagaan aset alih pertubuhan. • Dapatkan bantuan pihak polis dalam pengurusan hal ehwal dan aset pertubuhan (contoh – mengutip wang derma di rumah ibadat untuk dikreditkan ke dalam akaun estet pertubuhan) • Sekiranya terdapat permohonan untuk mengadakan apa-apa upacara keagamaan atau upacara perkahwinan dan lain-lain, PPP UL hendaklah mengemukakannya kepada PKPP/KC untuk arahan selanjutnya.	
Pegawai Penerima (PKPP) / Ketua	• PKPP/KC menyemak permohonan dan mengeluarkan surat sama ada menolak atau bersetuju dengan syarat sebarang sumbangan atau derma hendaklah	

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Cawangan (KC)	diserahkan kepada PP untuk dimasukkan ke dalam estet pertubuhan tersebut. • Sekiranya terdapat sebarang pertikaian yang tidak dapat diselesaikan di Cawangan berkenaan dengan pengurusan rumah ibadat, Cawangan hendaklah merujuk kepada Bahagian Likuidasi Ibu Pejabat untuk arahan selanjutnya.	
	Nota: * Contohnya PPJ, penganut, ahli lain pertubuhan atau mana-mana badan seperti Malayan Buddha Association, Christian Federation of Malaya, Malayan Hindu Sangam, Malaysia Governance Council atau Federation of Taoist Association. * Arahan Perbendaharaan tatacara bayaran perlu dipatuhi.	

b. Carta Aliran Kerja Pentadbiran Kes Pertubuhan Yang Melibatkan Pengurusan Rumah Ibadat





- c. Senarai Borang Pentadbiran Kes Pertubuhan Yang Melibatkan Pengurusan Rumah Ibadat

BIL.	NAMA BORANG	CATATAN
1.	-	-

4.2.5.6 Pentadbiran Kes Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftaran

a. Proses Kerja Kes Pentadbiran Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftaran

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Pembantu Tadbir Unit Likuidasi (PT UL)	Terima Perintah Pembatalan Perakuan Pendaftaran Kesatuan Sekerja daripada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.	Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959
Penolong Pegawai Penerima Unit Likuidasi (PPP UL)	- Daftar kes dan maklumat pembatalan dalam INSIST dalam tempoh satu (1) hari dari tarikh terima perintah pembatalan. - Sekiranya maklumat yang diterima tidak lengkap, sediakan dan kemukakan surat mohon maklumat tambahan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dalam tempoh dua (2) hari dari tarikh terima Perintah Pembatalan. - Setelah maklumat diterima kemaskini INSIST dalam tempoh satu (1) hari dari tarikh terima maklumat.	Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959
PT UL	- Menyediakan notifikasi awal kepada pihak-pihak seperti berikut dalam tempoh masa 3 hari dari tarikh kes didaftarkan: (i) Surat panggilan kepada Pemegang Jawatan (PJ) / Pegawai Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftarannya (Pegawai) untuk sesi temukenal dalam tempoh tiga (3) hari selepas Perintah Pembatalan diterima. - Surat panggilan perlu menyatakan bahawa PJ / Pegawai hendaklah memuat turun Penyataan Aset dan Tanggungan dari laman	


JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	sesawang Jabatan dan memastikan ia dilengkapi sebelum sesi Temu Kenal. (ii) Syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom dan Bekalan Air bagi tujuan serahan deposit kepada Pegawai Penerima (PP); (iii) Institusi Kewangan/Bank bagi tujuan penutupan akaun Kesatuan Sekerja dan penyerahan baki akaun kepada PP; (iv) Pejabat Tanah/Pejabat Tanah dan Galian Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan pengesanan hartanah milik Kesatuan Sekerja yang dibatalkan pendaftaran; (v) Pos Malaysia bagi tujuan perubahan alamat surat-surat yang dialamatkan kepada alamat berdaftar Kesatuan Sekerja yang dibatalkan pendaftaran kepada PP; dan (vi) Agensi-agensi lain yang berkaitan.	
Penolong Pegawai Penerima Unit Likuidasi (PPP UL)	• Jika PJ/Pegawai hadir, jalankan sesi temu kenal. • Semasa sesi temu kenal pastikan: i) PJ/Pegawai menyerahkan semua dokumen Kesatuan Sekerja seperti Daftar Keahlian, Buku Akaun Bank, Kaedah dan Peraturan Kesatuan, Buku Cek, Surat Ikatan Amanah, Laporan Mesyuarat Agung Tahunan dan dokumen-dokumen berkaitan; dan	


JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	ii) PJ/ Pegawai telah melengkapkan Penyataan Aset dan Tanggungan. (Rujuk Proses Kerja Temu Kenal dan Proses Kerja Pernyataan Hal Ehwal Syarikat Gulung). • Sekiranya PJ/ Pegawai memaklumkan telah mengemukakan permohonan rayuan kepada Menteri Sumber Manusia terhadap keputusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja yang membatalkan pendaftaran Kesatuan Sekerja: (i) Dapatkan sesalinan permohonan rayuan untuk rekod; dan (ii) Semak status rayuan dengan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. • Jika rayuan diluluskan oleh Menteri Sumber Manusia, keluarkan surat pembatalan notifikasi awal yang telah dikeluarkan kepada semua agensi / pihak dan serahkan kembali semua dokumen dan rekod Kesatuan Sekerja kepada PJ/Pegawai dan fail ditutup. Kemaskini maklumat dalam sistem INSIST. • Jika PJ/Pegawai tidak berhasrat untuk merayu/rayuan ditolak, teruskan pentadbiran kes.	
PPP UL	• Menjalankan lawat periksa ke premis dan ambil inventori dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pendaftaran kes dikunci masuk dalam INSIST. • Menyediakan Laporan Lawat Periksa dan Inventori dalam tempoh 3 hari dari tarikh lawat periksa.	• Peraturan 42, Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 • Seksyen 233 Akta Syarikat 1965 • Seksyen 483 Akta Syarikat 2016

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	- Mengambil milikan dan kawalan aset kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya. (Rujuk Proses Kerja Mengambil Alih dan Mengawal Aset Milik Syarikat Gulung). - Kemukakan Laporan Lawat Periksa kepada Penolong Kanan Pegawai Penerima (PKPP) / Ketua Cawangan (KC).	Arahan Jabatan (Likuidasi) No. 6/1986
PPP UL	Semak dan Peraku Borang Bukti Hutang (Rujuk Proses Kerja Perakuan Borang Bukti Hutang Syarikat Gulung).	
Penolong Kanan Pegawai Penerima/Ketua Cawangan (PKPP/KC)	Jika terdapat maklumat mengenai aset, keluarkan arahan kepada PPP UL untuk penghasilan aset. (Rujuk Proses Kerja Penghasilan Aset Syarikat Gulung)	- Peraturan 42, Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 - Seksyen 233 Akta Syarikat 1965 - Seksyen 483 Akta Syarikat 2016 - Arahan Jabatan (Likuidasi) No. 6/1986
PPP UL	Jika PJ/Pegawai tidak hadir selepas aktiviti penghasilan dan terdapat lebih selepas membayar segala hutang/ kos/ perbelanjaan/ fi, keluarkan surat kepada PJ/Pegawai yang menyatakan bahawa sekiranya PJ/Pegawai gagal mengemukakan sebarang maklumbalas dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat dikeluarkan, maka baki estet akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Tidak Dituntut (WTD) / Wang Tidak Boleh Dibahagikan (WTBD).	

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	• Keluarkan surat kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja maklumkan berhubung penutupan kes dan kemaskini maklumat dalam sistem INSIST. • Jika tiada maklumat mengenai aset, keluarkan notis kepada PJ/Pegawai dan jika PJ/Pegawai tidak hadir selepas 2 kali notis panggilan dikeluarkan, kemukakan surat kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja maklumkan berhubung penutupan kes dan kemaskini maklumat dalam sistem INSIST.	

b. Carta Aliran Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftaran





c. Senarai Borang Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftaran

BIL.	NAMA BORANG	CATATAN
1.	Penyataan Aset dan Tanggungan	-
2.	Borang Lawat Periksa	-
3.	Borang Temu Kenal	-


4.2.5.7 Penghasilan Aset Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan


a. Proses Kerja Penghasilan Aset Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Penolong Pegawai Penerima Unit Likuidasi (PPP UL)	- Terima Penyataan Aset dan Tanggungan dari Pemegang Jawatan (PJ)/Pegawai. - Kenal pasti sama ada aset merupakan aset alih atau aset tak alih. (i) Aset Alih (a) Baki akaun di bank: Hantar surat kepada Bank untuk menutup akaun Kesatuan dan minta baki akaun diserahkan kepada PP dalam tempoh tiga (3) hari. (b) Kenderaan: (Rujuk Proses Kerja Penghasilan Kenderaan Syarikat Gulung). Jika PJ/Pegawai enggan serahkan kenderaan, ambil tindakan untuk mengambil milikan dan kawalan aset (Rujuk Proses Kerja Mengambil Alih dan Mengawal Aset Milik Syarikat Gulung). (c) Hutang Buku Kesatuan: (i) Pastikan dokumen lengkap untuk membolehkan tuntutan dibuat; (ii) Hantar notis kepada penghutang supaya membayar hutang dalam tempoh tiga (3) hari; dan	- Peraturan 42, Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 - Seksyen 233 Akta Syarikat 1965 - Seksyen 483 Akta Syarikat 2016 - Seksyen 472 Akta Syarikat 2016, Perenggan (c), Bahagian I, Jadual Kedua Belas - Seksyen 277 (5) Akta Syarikat 1965 - Seksyen 511 Akta Syarikat 2016

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	(iii) Jika penghutang ingkar, buat permohonan ke mahkamah untuk mendapatkan arahan. (Rujuk Proses Kerja Mengambil Alih dan Mengawal Aset Milik Syarikat Gulung) (ii) Jika Aset Tak Alih (a) Tanah dan bangunan (i) Buat Carian Rasmi; (ii) Sekiranya ada, ambil tindakan penghasilan aset. (Rujuk Aktiviti Penghasilan Aset Syarikat Gulung); (iii) Setelah penghasilan dibuat, ambil tindakan pembayaran dividen (Rujuk Proses Kerja Perakuan Borang Bukti Hutang dan Proses Kerja Bayaran Dividen Syarikat Gulung); dan (iv) Sekiranya ada lebihan, ambil tindakan pembayaran kepada ahli (Rujuk Proses Kerja Aliran Lebihan Wang Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftarannya)	

b. Carta Aliran Penghasilan Aset Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftaran





- c. Senarai Borang Penghasilan Aset Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftaran

BIL.	NAMA BORANG	CATATAN
1.	-	-


4.2.5.8 Aliran Wang Lebihan Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan

a. Proses Kerja Aliran Wang Lebihan Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Penolong Pegawai Penerima Unit Likuidasi (PPP UL)	- Sekiranya terdapat lebihan selepas pembayaran segala hutang dan kos serta fi PP, ambil tindakan berikut: (i) Membuat pembayaran wang lebihan kepada anggota-anggota Kesatuan Sekerja mengikut Kaedah-Kaedah Kesatuan Sekerja (jika ada); (ii) Sekiranya tidak termaktub dalam Kaedah-Kaedah Kesatuan Sekerja, diagihkan secara sama rata sesama anggota; dan (iii) Sekiranya anggota terlalu ramai atau berlaku kesulitan menentukan orang-orang yang berhak kepada aset tersebut, PP perlu membuat permohonan ke Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan kelulusan skim untuk mengagihkan lebihan tersebut.	- Peraturan 39 Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 - Peraturan 40, Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959
Penolong Pegawai Penerima Unit Mahkamah (PPP UM)	Menyediakan draf Saman Pemula dan Afidavit Sokongan dan kemukakan kepada PKPP/KC dalam tempoh empat belas (14) hari.	
Penolong Kanan Pegawai Penerima/Ketua Cawangan (PKPP/KC)	Semak dan luluskan draf Saman Pemula dan Afidavit Sokongan dalam tempoh tiga (3) hari dan kemukakan kepada PPP UM untuk Pemfailan Saman Pemula ke Mahkamah.	- Peraturan 40 Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 - Peraturan 41 Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
PPP UM	• Hadir ke mahkamah untuk sebutan dan mendapatkan perintah sewajarnya. • Jika dibenarkan, arahkan PPP UL ambil tindakan berdasarkan perintah mahkamah. • Jika permohonan ditolak, maklum kepada PKPP/KC untuk arahan sama ada rayuan perlu difailkan atau arahan-arahan lain yang berkaitan.	
PKPP/KC	• Jika tiada rayuan atau rayuan juga ditolak boleh mencadangkan wang lebihan tersebut dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Tidak Dituntut (WTD) / Wang Yang Tidak Boleh Dibahagikan (WTBD). (Rujuk Proses Kerja WTD Syarikat Gulung)	• Arahan Jabatan WTD/WTBD Bil.4/2019
PPP UL	• Tutup fail dan hantar notifikasi kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja serta kemaskini maklumat dalam sistem INSIST.	

b. Carta Aliran Lebihan Wang Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftarannya



- c. Senarai Borang Lebihan Wang Kesatuan Sekerja Yang Dibatalkan Pendaftarannya

BIL.	NAMA BORANG	CATATAN
1.	-	-

4.2.6 Lain-lain Aktiviti

4.2.6.1 Projek Terbengkalai

a. Proses Kerja Projek Terbengkalai


JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
PERINGKAT CAWANGAN		
Penolong Pegawai Penerima Unit Likuidasi PPPUL	- Menyemak dan memastikan sama ada terdapat gadaian / debentur. - Mendapatkan pengesahan hakmilik daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) berkaitan. - Jika milik syarikat, semak sama ada gadaian adalah berdaftar dan ambil tindakan untuk menuntut hakmilik jika tidak berdaftar. - Jika bukan milik syarikat: (i) dapatkan dokumen perjanjian yang berkaitan di antara pemilik tanah dengan syarikat sebagai pemaju; dan (ii) tentukan kepentingan syarikat ke atas tanah tersebut. - Jika hak telah ditentukan dalam perjanjian usaha sama: (ii) Kenal pasti lot-lot yang telah diperuntukkan untuk syarikat; dan (iii) lot-lot yang belum dijual. - Minta dokumen berkaitan daripada pemegang gadaian dan jumlah terhutang. - Masukkan kaveat pendaftar bagi lot-lot milik syarikat di PTG. - Jalankan carian secara keseluruhan di PTG dan pastikan sama ada tanah telah dipecah bahagi dan hakmilik individu telah dikeluarkan.	- S 108 / S 352 - S 233(1) / S 483 (1) - S 277(5) / S 511 - K 66 - B 33


JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	• Dapatkan maklumat lengkap daripada pengarah syarikat: (i) Senarai pembeli-pembeli; (ii) Perjanjian jual beli individu dan/atau perjanjian-perjanjian yang berkaitan; (iii) Jumlah wang yang telah dikutip daripada pembeli dan baki yang terhutang; (iv) Pembiayaan yang telah digunakan; (v) ‘<i>End financing</i>’ yang telah diterima; (vi) Senarai apa-apa harta alih syarikat yang masih tersimpan di tapak pembinaan yang tidak termasuk dalam debentur; (vii) Senarai peguam, arkitek, jurutera, akauntan dan kontraktor yang terlibat dalam projek; dan (viii) Anggaran perbelanjaan untuk menyiapkan projek. • Dapatkan nilai harta daripada JPPH. • Jalankan lawat periksa tapak projek dan mengenal pasti mana-mana harta alih syarikat yang masih disimpan di tapak pembinaan. • Dapatkan laporan arkitek - tahap pembinaan dan minta <i>layout plan</i>. • Sediakan laporan lengkap kedudukan projek. • Dapatkan maklumat daripada pemegang gadaian mengenai tindakan yang akan	

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	diambil oleh mereka sebagai pemegang gadaian. - Jika syarikat berkemampuan dan projek hampir siap (tentukan berapa %) dan menguntungkan jika syarikat mendapatkan kembali tanah tersebut: (i) Adakan mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksaan (jika ada) atau dengan pembeli-pembeli individu untuk mendapatkan pandangan mereka; (ii) Sekiranya Jawatankuasa Pemeriksaan / pembeli-pembeli individu bersetuju untuk melantik pemaju penyelamat bagi menyiapkan projek yang hampir siap tersebut, minta Jawatankuasa Pemeriksaan/pembeli-pembeli individu kemukakan surat cadangan untuk melantik pemaju penyelamat. (iii) Semak surat cadangan tersebut dan mengemukakan LKK dan dokumen-dokumen lengkap kepada PIN/KC melalui KUL dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat cadangan diterima.	
Penolong Kanan Pegawai Penerima Unit Likuidasi PKPP UL	Semak LKK dan kemukakan dokumen-dokumen lengkap berserta pandangan ke Bahagian Likuidasi (BL) dalam tempoh 7 hari berkerja dari tarikh LKK dan dokumen-dokumen lengkap diterima dari PPPUL	
PERINGKAT BAHAGIAN LIKUIDASI		
Penolong Pegawai Penerima Bahagian Likuidasi PPP BL	Semak dan proses permohonan daripada PKPP dan menyediakan laporan untuk dikemukakan kepada PKPPBL dalam tempoh 3 hari dari tarikh permohonan diterima dari cawangan.	

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Penolong Kanan Pegawai Penerima Bahagian Likuidasi PKPP BL	Teliti permohonan dan membuat keputusan sama ada permohonan diluluskan atau ditolak.	
PPP BL	- Jika diluluskan, sediakan surat kelulusan berserta syarat-syarat kepada PIN/KC dalam tempoh 3 hari dari tarikh keputusan dibuat. - Jika ditolak, sediakan surat pemakluman kepada PIN/KC dalam tempoh 3 hari dari tarikh keputusan dibuat.	
PERINGKAT CAWANGAN		
Penolong Kanan Pegawai Penerima (PKPP)	- Terima keputusan dan memaklumkan kepada Jawatankuasa Pemeriksaan/pembeli-pembeli individu. - Jika diluluskan, PKPP mengambil tindakan pemantauan ke atas kerja-kerja yang dilakukan oleh pemaju penyelamat.	
PPP UL	- Jika tindakan untuk mendapatkan kembali harta tersebut tidak menguntungkan atau sebahagian besar projek tidak siap: (ii) Nasihatkan pemegang gadaian supaya mengambil tindakan menguatkuasakan hak mereka dengan segera untuk mengelakkan faedah yang bertambah; (iii) Hantar borang-borang bukti hutang kepada pembeli-pembeli individu; dan (iv) Semak tindakan penghasilan oleh pemegang gadaian dan sebarang baki jika ada.	

b. Carta Aliran Kerja Projek Terbengkalai





c. Senarai Borang Projek Terbengkalai

BIL.	NAMA BORANG	CATATAN
1.	Borang 33	K 66


a. Proses Kerja Pengawasan Oleh Pegawai Penerima Sebagai Penyelesai Dalam Keadaan Penerima Dan Pengurus ("*R&M*") Telah Dilantik

[illegible]


JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	(iv) penyata penerimaan dan pembayaran yang terakhir.	
	- Menyemak sama ada Debentur diwujudkan dalam masa 6 bulan dari pengemukaan Petisyen Penggulangan. - Menyemak inventori aset-aset yang telah diambil alih oleh Penerima dan Pengurus dan membandingkan dengan inventori yang telah disediakan oleh PP sewaktu lawat periksa untuk memastikan Penerima dan Pengurus tidak mengambil mana-mana aset yang tidak termasuk dalam debentur. - Mengambil alih mana-mana aset yang tidak termasuk dalam debentur dan mengambil tindakan penghasilan sewajarnya. - Menuntut mana-mana lebihan jika ada selepas aset dihasilkan oleh Penerima dan Pengurus.	
Penolong Pegawai Unit Likuidasi PPP UL	Jika terdapat permohonan daripada Penerima dan Pengurus untuk menjalankan perniagaan/operasi syarikat (<i>"carrying on the business of the company"</i>), rujuk kepada Pengarah Insolvensi Negeri (PIN) / Ketua Cawangan (KC) untuk dapatkan arahan.	S 386(1)(b) Akta 777
Pengarah Insolvensi Negeri (PIN) / Ketua Cawangan (KC)	- Mempertimbangkan permohonan seperti berikut: (a) Meluluskan permohonan Penerima dan Pengurus dan mengarahkan pemantauan terhadap tindakan seperti di atas; atau	

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	(b) Menolak permohonan dan meminta Penerima dan Pengurus merujuk ke mahkamah. • Jika terdapat isu berbangkit, rujuk ke Bahagian Likuidasi atau dapatkan arahan daripada mahkamah.	

b. Carta Aliran Pengawasan Oleh Pegawai Penerima Sebagai Penyelesai Dalam Keadaan Penerima dan Pengurus ("R&M") Telah Dilantik



c. Carta Aliran Sekiranya Terima Permohonan Penerima dan Pengurus ("*R&M*") Untuk Menjalankan Perniagaan/Operasi Syarikat ("*Carrying on the Business of the Company*")



- d. Senarai Borang Pengawasan Oleh Pegawai Penerima Sebagai Penyelesai Dalam Keadaan Penerima dan Pengurus (*R&M*) Telah Dilantik

BIL.	NAMA BORANG	CATATAN
1.	-	-

4.2.6.3 Aset Yang Diketahui Selepas Perintah Pembubaran


a. Proses Kerja Aset Yang Diketahui Selepas Perintah Pembubaran


JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Penolong Pegawai Penerima Unit Likuidasi PPP UL	- Terima maklumat berkaitan aset syarikat selepas syarikat dibubarkan dan kenal pasti aset berkenaan. - Pastikan sama ada Perintah Pembubaran Syarikat dan Pelepasan Penyelesai masih dalam tempoh 2 tahun. - Jika masih dalam tempoh 2 tahun, sediakan draf Saman Dalam Kamar (SDK) / Notis Usul beserta Affidavit Sokongan untuk Perintah Pelepasan dan Pembubaran syarikat dibatalkan dan kemukakan ke Unit mahkamah untuk semakan dan kelulusan.	S 307 (1) / S 535 (1)
Penolong Pegawai Penerima Unit Mahkamah PPP UM	Semak dan failkan SDK / Notis Usul beserta Affidavit Sokongan di mahkamah.	
PPP UM	Hadir di mahkamah untuk mendapatkan Perintah. Lapor keputusan mahkamah kepada PKPP. Serahkan fail kepada PPP UL.	
PPP UL	Jika mahkamah membenarkan permohonan: - Kunci masuk maklumat dalam INSIST dalam tempoh 24 jam dari tarikh perintah. - Sediakan draf Perintah untuk kelulusan mahkamah dan dapatkan salinan meterai perintah. - Failkan satu salinan Perintah dengan Pendaftar Syarikat dalam tempoh 7 hari dari tarikh perintah.	S 307 (2) / S 535 (2)

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	- Ambil tindakan ke atas aset yang telah dikenal pasti. (Rujuk Proses Kerja Penghasilan Aset). - Setelah aset telah dihasilkan, ambil tindakan untuk membayar dividen kepada pemiutang-pemiutang syarikat yang telah memfailkan BBH dan pulangan lebih kepada penyumbang-penyumbang syarikat sekiranya ada. (<i>Rujuk Proses Kerja Bayaran Dividen dan Pemulangan Wang Lebihan</i>). - Setelah pembayaran dividen dan pemulangan wang lebihan selesai, buat permohonan ke mahkamah untuk pelepasan penyelesai dan pembubaran syarikat. (<i>Rujuk Proses Kerja Pembubaran Syarikat dan Pelepasan Penyelesai</i>).	
PPP UL	- Jika mahkamah menolak permohonan; (i) Lapor keputusan mahkamah kepada Pendaftar Syarikat. (ii) Senaraikan kos dan perbelanjaan PP. (iii) Hantar surat kepada Pendaftar Syarikat maklumkan senarai Borang Bukti hutang syarikat (sekiranya ada). (iv) Simpan Dalam Perhatian (KIV) untuk bayaran.	
PPP UL	Jika harta dikenal pasti selepas 2 tahun dari tarikh Perintah Pembubaran Syarikat dan Pelepasan Penyelesai, laporkan kepada Pendaftar Syarikat untuk tindakan lanjut.	- S 309 / S 556 - S 310 / S 557 - S 311 (4) / S 558 (4)

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	• Sediakan senarai kos serta segala perbelanjaan Pegawai Penerima sebagai Penyelesai yang masih belum dijelaskan. • Sediakan surat kepada Pendaftar Syarikat memaklumkan bahawa syarikat masih berhutang kepada Pegawai Penerima. Kepilkan bersama dokumen-dokumen sokongan. • Simpan Dalam Perhatian (KIV) untuk sebarang pembayaran.	

b. Carta Aliran Kerja Aset Yang Diketahui Selepas Perintah Pembubaran





(c) Senarai Borang Aset Yang Diketahui Selepas Perintah Pembubaran

BIL.	NAMA BORANG	CATATAN
1.	-	-

4.2.6.4 Pelantikan Pengurus Khas

a. Proses Kerja Pelantikan Pengurus Khas

Pengurus Khas dilantik bagi membantu Pegawai Penerima untuk mentadbir aktiviti syarikat yang memerlukan kepakaran tertentu dan berisiko tinggi yang mana tidak boleh dilakukan oleh mana-mana ejen. Sebagai contoh, syarikat yang menjalankan perniagaan yang melibatkan bahan kimia, penerbangan, forensik dan lain-lain.


JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Penolong Pegawai Penerima Unit Likuidasi (PPP UL)	• Kenal pasti sifat estet atau perniagaan syarikat yang digulung dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh Perintah Penggulangan. • Jika terdapat kepentingan untuk pelantikan Pengurus Khas untuk sifat estet atau perniagaan syarikat atau kepentingan pemiutang / penyumbang, sediakan laporan cadangan pelantikan Pengurus Khas beserta sebut harga Pengurus Khas yang dicadangkan untuk arahan PKPP/KC. • Mengadakan Mesyuarat Am Pemiutang dan Penyumbang untuk menyatakan hasrat untuk melantik Pengurus Khas dan membincangkan jumlah jaminan dan saraan oleh Pengurus Khas yang akan dicadangkan semasa permohonan ke Mahkamah. (Sekiranya Penyelesai belum dilantik, Rujuk Proses Kerja Pelantikan Pelikuidasi Melalui Mesyuarat Pertama Pemiutang dan Penyumbang)	• S 246 (1) / S 499 (1) • K 39 • K 112 • B 67
Penolong Kanan Pegawai Penerima/Ketua Cawangan (PKPP/ KC)	• Menyemak dan memberi persetujuan pelantikan Pengurus Khas kepada PPP.	

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	Meminitkan arahan kepada PPP UM untuk tindakan menyediakan permohonan.	
Penolong Pegawai Penerima Unit Mahkamah (PPP UM)	- Sediakan draf Saman Dalam Kamar (SDK) / Notis Usul beserta Affidavit Sokongan dan laporan PP yang menyatakan jumlah saraan yang dicadangkan Pengurus Khas dalam tempoh 7 hari dari tarikh minit arahan PKPP. - Saman Dalam Kamar (SDK) / Notis Usul beserta Affidavit Sokongan hendaklah meliputi perkara-perkara berikut: (i) Nama Pengurus Khas; (ii) Senarai tanggungjawab; (iii) Jaminan oleh Pengurus Khas yang dicadangkan; dan (iv) Jumlah saraan Pengurus Khas yang dicadangkan. Nota : Cawangan hendaklah merujuk Bahagian Likuidasi bagi penetapan jumlah jaminan oleh Pengurus Khas.	
PKPP/KC	Semak SDK/ Notis Usul, Affidavit Sokongan dan dokumen sokongan.	
PPP UM	- Faillkan SDK/ Notis Usul beserta Affidavit Sokongan bersama Laporan PP untuk Perintah Pelantikan Pengurus Khas. - Hadir ke mahkamah dan ambil keputusan pada hari perbicaraan. - Lapor keputusan mahkamah kepada PKPP/KC pada hari yang sama.	- K 39 (1) - K 47 (a)

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
PPP UL	• Jika mahkamah membuat Perintah Pelantikan Pengurus Khas, pastikan tindakan-tindakan berikut diambil dalam tempoh 14 hari: (ii) Pengurus Khas memberikan jaminan seperti ditetapkan oleh Mahkamah melalui kaedah-kaedah seperti berikut; (a) “<i>Bank Draft</i>”; (b) “<i>Banker’s Cheque</i>” atau (c) Kaedah-kaedah pembayaran lain yang diperuntukan dalam Akta. (iii) Keluarkan sijil PP setelah jaminan diterima; dan (iv) Failkan sijil PP dengan Pendaftar Syarikat. • Pastikan Pengurus Khas menghantar penyata penerimaan dan perbelanjaan yang ditentusahkan dengan afidavit. • Tentukan jangka waktu laporan aktiviti yang telah dijalankan dan akan dijalankan perlu dihantar kepada PP. • Pastikan laporan diterima dalam jangka waktu yang ditetapkan dan tugas telah dilaksanakan dengan jujur dan berkesan.	• K 47 (c) • K 47 (d) / B 21 • K 47 (d) • K 40 • B 16
	• Pastikan Pengurus Khas hanya boleh memasuki premis dan memulakan tugas setelah jaminan diberi; • Sekiranya Pengurus Khas ingin meletakkan jawatan, notis secara bertulis tidak kurang 1 bulan hendaklah diberikan oleh beliau kepada PP; dan	

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	• Sekiranya PP berpandangan tidak memerlukan lagi perkhidmatan Pengurus Khas, PP hendaklah memfailkan permohonan ke Mahkamah untuk Pengurus Khas dilepaskan dari jawatan tersebut • Pastikan saraan Pengurus Khas telah dibayar seperti mana perintah Mahkamah	

b. Carta Aliran Kerja Pelantikan Pengurus Khas



c. Senarai Borang Pelantikan Pengurus Khas

BIL.	NAMA BORANG	CATATAN
1.	Borang 16	K 40
2.	Borang 21	K 47
3.	Borang 67	K 112

4.2.6.5 Lawat Periksa ke Premis Pelikuidasi Yang Diluluskan (PYD)

a. Proses Kerja Lawat Periksa Premis Pelikuidasi Yang Diluluskan (PYD)

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Ketua Unit PYD (KU PYD)	- Mengenalpasti PYD dan senarai kes dalam kendalian PYD - Menyediakan dan mengemukakan Laporan Awal Pematuhan kepada PIBL dengan syor untuk tindakan Lawat Periksa	S229 Akta Syarikat 1965 / S480 Akta Syarikat 2016
Pengarah Insolvensi Bahagian Likuidasi (PIBL)	- Meneliti Laporan Awal Pematuhan dan memberi ulasan dan pandangan terhadap cadangan - Mengemukakan Laporan Awal Pematuhan dan memberikan taklimat kepada PP dan TPP senarai kes yang dicadangkan untuk tindakan Lawat Periksa - Mendapatkan persetujuan PP untuk senarai cadangan bagi tindakan Lawat Periksa. - Melaporkan dan memberikan arahan kepada KU PYD keputusan PP <u>Jika persetujuan diperolehi</u> Memberikan arahan kepada KU PYD untuk tindakan Lawat Periksa <u>Jika persetujuan tidak diperolehi</u> Memberikan arahan kepada KU PYD untuk tamat tindakan.	


JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Ketua Unit PYD (KU PYD)	Mendapatkan dan meminitkan arahan PIBL dalam fail pentabiran kes untuk tindakan Lawat Periksa bagi senarai kes yang dicadangkan.	
Ketua Unit PYD / Ketua Pasukan Lawat Periksa	- Membentuk Pasukan Lawat Periksa dalam tempoh 3 hari selepas arahan diterima yang terdiri tidak kurang dari 4 orang (i) Pasukan Lawat Periksa diketuai oleh seorang KU PYD dan seorang pegawai Penyiasat Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan dan seorang Pegawai Perakaunan serta seorang pegawai Insolvensi Unit PYD Bahagian Likuidasi - Mengadakan Mesyuarat Pelan Tindakan Lawat Periksa untuk perancangan lebih komprehensif aktiviti lawat periksa, penetapan hari dan waktu lawat periksa, senarai semak dan senarai tugas ahli pasukan Pasukan Lawat Periksa - Melaporkan pada PIBL berhubung tindakan lawat periksa yang bakal diambil	
KU PYD	Memberikan notis melalui emel/ surat kepada PYD terlibat untuk berhubung cadangan tindakan Lawat Periksa di premis PYD	


JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	Mengemukakan senarai kes yang akan diteliti dan disiasat oleh Pasukan Lawat Periksa untuk persediaan awal PYD berkaitan.	
Pasukan Lawat Periksa	- Menghadirkan diri di premis PYD dan memperkenalkan diri dan ahli pasukan kepada PYD. - Membuat semakan dokumen - dokumen berikut: (i) Jaminan oleh Penyelesai; (ii) Penyata Akaun Penerimaan dan Pembayaran Penyelesai; (iii) Buku-buku Lejar; (iv) Buku akaun syarikat yang digulungan; (v) Laporan Kewangan (jika ada) (vi) Senarai Bukti Hutang; (vii) PHE (jika ada); (viii) Senarai harta alih bercagar dan tidak bercagar; (ix) Senarai harta alih bercagar dan tidak bercagar; dan (x) Senarai penghasilan harta - Merekodkan maklumat berkaitan atau mendapatkan sesalinan dokumen-dokumen (yang perlu) semasa lawat periksa dijalankan untuk semakan dan siasatan lanjut PYD.	- S280 Akta Syarikat 1965 - S228 Akta Syarikat 1965 - S234 Akta Syarikat 1965 - S291 Akta Syarikat 1965 - S238 Akta Syarikat 1965 / - S513 Akta Syarikat 2016 - S478 Akta Syarikat 2016 - S484 Akta Syarikat 2016 - S523 Akta Syarikat 2016 - S524 Akta Syarikat 2016 - S488 Akta Syarikat 2016 - K47 Kaedah-kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 - K48 Kaedah-kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 - K78 Kaedah-kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 - Borang 61 - Borang 75
Pasukan Lawat Periksa	Menyediakan Laporan Penuh Lawat Periksa dalam tempoh 3 hari dari tarikh selesai lawat periksa	


JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
	dan mengemukakan laporan kepada PIBL untuk arahan lanjut. • Meneliti laporan dan memasukkannya dalam fail berkaitan • Menyerahkan fail pentadbiran dan laporan diserahkan kepada unit Kebankrapan untuk rekod dalam tempoh 1 hari dari tarikh laporan geledah / sitaan dihantar	
PIBL	• Menerima Laporan dari Ketua Pasukan Lawat Periksa dan meneliti laporan serta memberikan syor dan arahan: <u>Jika terdapat salah laku :</u> Kemukakan kepada Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan untuk tindakan siasatan <u>Jika tiada salah laku :</u> PIBL mengarahkan KU PYD meneruskan aktiviti lazim pemantauan dan penyeliaan seperti biasa.	
Ketua Unit PYD	• Mengarahkan PT Unit PYD untuk memasukkan laporan Lawat Periksa dalam fail pentadbiran kes • Mengarahkan PT unit PYD untuk mengemaskini laporan kedalam INSIST	

JAWATAN	PROSES	BORANG/PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
Pembantu Tadbir	Memasukkan laporan Lawat Periksa dalam fail pentadbiran kes.	

b. Carta Aliran Kerja Lawat Periksa Premis PYD







c. Senarai Borang yang digunakan dalam Lawat Periksa Premis PYD

BIL.	NAMA BORANG	CATATAN
1.	Borang 61	-
2.	Borang 75	-
3.	Borang 76	-